

NAMA : _____

KELAS : _____

TAJUK : CERPEN LEGASI TAPAI UBI (TINGKATAN 3)

A) Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Tapai! Tapai! Tapai!”

Jemu benar aku dengan perkataan tapai itu. Sejak kecil aku disogokkan dengan tapai. Sebutlah tapai ubi Wak Salikon, semua orang tahu. Wak Salikon bapa aku. Jika ada orang berkata Wak Salikon Tapai Ubi, seluruh kampung kenal. Itu bapa aku! Kalau orang bertanya Parjo Tapai Ubi, itu aku! Aku dan tapai seolah-olah sehati dan sinonim. Ah, bencinya!

“Parjo, jangan lupa nanti hantar tapai ke pasar!” jerit bapa dengan loghat jiwanya yang pekat. Laungan itu menjadi rutin setiap pagi. maka aku pun tidak pernah menolak untuk berkhidmat menghantar tapai ubi buatan bapa dan emak ke pasar, ke warung, ke kedai kampung dan ke mana-mana sahaja jika ada tempahan.

Itu sahaja yang aku tahu. Akan tetapi kini aku semakin jemu dengan tapai ubi. Lebih-lebih lagi sejak aku memasuki sekolah menengah. Apatah lagi apabila setiap hari aku terpaksa menjinjit karung tapai ke kantin sekolah. Parjo Tapai! Itulah gelaran yang diberikan oleh kawan-kawanku yang sama-sama menumpangi bas sekolah. Aku malu dan marah juga pada mulanya. Namun *alah biasa tegal biasa*. Aku hanya membantu emak dan bapa mencari rezeki.

(Dipetik daripada Legasi Tapai Ubi, Antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

1. Sejak bila “aku” baru aku semakin bosan makan tapai?
 - A. sejak memasuki alam pekerjaan
 - B. sejak diejek oleh rakan-rakannya
 - C. sejak memasuki sekolah menengah
 - D. sejak diberikan gelaran Parjo Tapai Ubi

2. Persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen ialah
 - A. keredaan menerima takdir hidup
 - B. kepatuhan anak terhadap ibu bapanya
 - C. kasih sayang ibu bapa terhadap anak
 - D. kesungguhan melakukan sesuatu kerja

3. Maksud rangkai kata *alah bisa tegal biasa* ialah
 - A. sesuatu yang sukar akan menjadi mudah jika sering dilakukan
 - B. mudah berputus asa apabila menghadapi kesukaran
 - C. sesuatu perkara dilakukan secara sempurna
 - D. setiap usaha ada untung dan ruginya

4. Nilai yang berikut terdapat dalam petikan cerpen **kecuali**
 - A. Kerajinan
 - B. Berdikari
 - C. Keadilan
 - D. Kerjasama

5. Pada pendapat anda, apakah langkah yang paling sesuai dijalankan bagi memperkenalkan makanan tradisional di negara kita?
- A. mempromosi keistimewaan makanan tradisional melalui media massa dan laman sesawang
 - B. pelajar dan pekerja rakyat Malaysia yang berada di luar negara memasak makanan tradisional
 - C. menganjurkan pertandingan memasak makanan tradisional di ibu negara
 - D. Tukang masak terkemuka negara membuat pembaharuan pada makanan tradisional

B) Padankan yang sesuai dengan nilai yang terdapat dalam cerpen legasi tapai ubi.

Kegigihan

Kajian Parjo telah mendapat pengiktirafan dunia dan perniagaan bapanya telah maju menjadi Perusahaan Tapi Ubi Wak Salikon dengan membuka kilang.

Bekerjasama

Parjo bersungguh-sungguh membuat kajian tapai ubi yang dikatakan mampu mengurangkan serangan kanser.

Kesyukuran

Parjo mengajak emak dan bapanya untuk menyaksikan dia menerima ijazah kedoktoran di universiti.

Kasih sayang

Wak Salikon bekerja keras mengusahakan tapai ubi untuk menyara keluarganya sehingga anak-anaknya berjaya belajar ke peringkat universiti.

Bertanggungjawab

Parjo bersama-sama pensyarahnya, Profesor Haidar membuat kajian tentang khasiat tapai ubi bagi merawat penyakit kanser sehingga kajian tersebut mendapat pengiktirafan peringkat antarabangsa.